

## GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENDAFTARAN SEKOLAH AGAMA ISLAM NEGERI SELANGOR

Sekolah yang hendak ditubuhkan hendaklah berteraskan ajaran Islam sepertimana yang dikehendaki dalam *Enakmen no. 2 tahun 1988 pindaan no. 7 tahun 2001 (Enakmen Pengawalan Sekolah Agama Islam) dalam perkara 13(1)*.

Menubuhkan Jemaah Pengurusan Sekolah sekurang-kurangnya 7 orang warganegara Malaysia, beragama Islam dan berumur 21 tahun ke atas. Jemaah Pengurusan Sekolah bertanggungjawab menguruskan penubuhan dan pendaftaran sesebuah Sekolah Agama Islam seperti berikut;

1. Mengemukakan surat permohonan/hasrat penubuhan Sekolah Agama Islam yang ditujukan kepada Pendaftar Sekolah Islam (Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor) melalui Pegawai Tadbir Agama Daerah. Pihak Bahagian Pendidikan Islam akan memberikan maklumbalas secara bertulis.
2. Mengisi dengan lengkap Borang Permohonan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah (borang putih).
3. Melengkapkan syarat dan keperluan untuk Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Agama Islam.
4. Menghantar borang permohonan yang lengkap ke Unit Pendidikan Islam, Pejabat Agama Islam Daerah (PAID).
5. Melampirkan Minit Mesyuarat yang lengkap dengan maklumat-maklumat berikut:-
  - i) Nama sekolah dan alamat
  - ii) Jenis sekolah
  - iii) Senarai nama Jemaah Pengurusan Sekolah bersama jawatan yang disandang. Salinan Kad Pengenalan yang disahkan (*sediakan lampiran*)  
(*Minima 7 orang warganegara Malaysia, beragama Islam dan berumur 21 tahun ke atas*)
  - iv) Kadar bayaran yuran sekolah
  - v) Kurikulum yang digunakan\*
  - vi) Status tanah / premis (milik sendiri, sewa, wakaf & lain-lain (nyatakan.....))  
(*sediakan lampiran bagi dokumen yang berkaitan*)
  - vii) Sesi Pengajian (Pagi, Pagi & Petang, Petang atau Sepenuh Masa)
  - viii) Maklumat Pelajar (*sediakan lampiran*)
  - ix) Maklumat Guru (*sediakan lampiran*)
6. Minit mesyuarat disahkan oleh Pengerusi Jemaah Pengurusan
7. Surat akuan/kebenaran daripada **pemilik** tanah/premis kepada Jemaah Pengurusan untuk kegunaan Sekolah Agama Islam
8. Semua guru hendaklah mengikuti Kursus Perakuan Mengajar dan lulus dalam ujian yang berkaitan\*\*
9. Mendapatkan sokongan daripada Pejabat Kesihatan Negeri / Daerah\*\*
10. Mendapatkan sokongan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri / Daerah\*\*
11. Mendapatkan sokongan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (*jika berkaitan*)\*\*

\* Kurikulum Agama wajib menggunakan kurikulum MAIS/JAIS kecuali kurikulum yang telah disahkan oleh MAIS. Kurikulum Kebangsaan : Pra Sekolah (KPSK) , Sek. Rendah (KSSR), Sek. Menengah (KSSM, KBD, KBT) wajib mendaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

\*\*Perkara 7 hingga 10 adalah syarat bagi kelulusan Perakuan Pendaftaran Penuh

# CARTA ALIR

## PROSES KERJA: PENUBUHAN DAN PENDAFTARAN SEKOLAH AGAMA ISLAM NEGERI SELANGOR (PERAKUAN PENDAFTARAN SEMENTARA)

